

**Berani Mati**  
**Chedet.cc**  
**27 Jun 2014**  
**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Orang Melayu sekarang sudah sanggup bunuh diri untuk ke syurga. Bukan sahaja itu, tetapi mereka juga sanggup bunuh orang Islam lain kerana kelainan politik atau ideologi. Kita belum dengar ulama Malaysia memberi pendapat atau membuat fatwa berkenaan dengan perbuatan seperti ini. Jika pendapat berkenaan bunuh diri, bunuh saudara seagama akan dapat balasan syurga, mungkin ramai lagi orang Melayu yang akan melilit bom dibadan dan meletupkannya supaya dapat membunuh ramai orang Islam lain yang tidak dikenali dan tidak bermusuhan dengan mereka. Diantara yang terbunuh ialah kanak-kanak, orang tua, wanita dan OKU. Kebanyakan mereka ini orang perempuan bukan askar dan tidak bersenjata.

2. Saya cuba cari dalam Al Quran arahan supaya orang Islam boleh bunuh diri, boleh bunuh orang Islam lain. Orang yang dibunuh ini tidak menyerang negara kita dan rakyat kita. Kita tidak berada dalam keadaan tidak selamat kerana serangan oleh orang Islam yang tidak sebulu dengan kita.

3. Al Quran menyuruh kita damaikan antara dua orang Islam jika mereka bermusuhan. Jika mana-mana pihak menolak kedamaian barulah boleh pihak ketiga memihak kepada pihak yang menerima kedamaian.

4. Tetapi tidak ada firman Tuhan yang menyuruh kita meningkatkan permusuhan dengan memihak kepada mana-mana pihak.

5. Sesungguhnya Allah s.w.t. berkali-kali menyatakan tidak suka mereka yang mencetuskan huru-hara.

6. Mungkin ada hadis yang menyuruh kita bermusuhan sesama Islam. Tetapi saya belum jumpa. Jauh sekali dari menjadi syahid dengan membunuh diri untuk membunuh orang Islam lain. Saya cuma ingin tahu pendapat ulama di Malaysia berkenaan syurga yang menanti mereka sebagai pejuang Islam ini.

## 21 Comments



1. **Tun Perak**

July 3, 2014 at 11:55 AM | [Permalink](#)

Assalam,

Membunuh diri adalah masalah sosial dan membunuh diri dengan tujuan membunuh orang lain adalah masalah kriminal.

Orang membunuh diri boleh disebabkan oleh dua faktor. Faktor pertama – tekanan emosi. Faktor kedua – pengaruh oleh pihak ketiga.

Orang yang berani mati kerana ingin membunuh orang lain ini patut bertanya kepada orang yang menasihati untuk membunuh diri mengapa si penasihat tidak membunuh diri tetapi menyuruh orang lain yang membunuh diri . Mungkin ada sebab mengapa penasihatnya hanya berani menyuruh orang lain menjadi berani mati tetapi “penasihat sendiri tidak berani mati” ?

Membunuh diri bukanlah ajaran daripada Al-Quran.

An-Nisaa : “Dan janganlah kamu bunuh dirimu; sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.” (4:29)

Sekiranya seseorang membunuh diri, dia tidak berserah diri kepada takdir Allah. Kerana itu, Allah mengharamkan manusia membunuh diri daripada syurga.

Dunia Islam pada hari ini amat bergolak. Segolongan manusia menjadikan isu ini sebagai peperangan di antara mazhab Syiah dan Sunnah.

Tidak bersetuju mengenai satu perkara disebabkan perbezaan fahaman adalah perkara biasa. Sekiranya semua manusia bersetuju 100 % antara satu sama lain , maka bukanlah manusia tetapi robot semata. Tetapi perbezaan fahaman tidak seharusnya membawa umat Islam kepada pembunuhan. Pembunuhan adalah salah terutama pembunuhan sesama Islam.

Masalah di Syria bukan lah disebabkan oleh pergolakkan antara Mazhab. Demographi Syria menunjukkan lebih 70 % penduduk bermazhab sunnah manakala 13 % bermazhab syiah dan selebihnya penduduk agama lain. Baru-baru ini, diadakan pilihanraya di Syria, calon bermazhab

sunnah dibenarkan bertanding. Sekiranya pergolakkan di Syria adalah pergolakkan antara mazhab, sudah tentu majoriti pengundi akan mengundi calon mazhab sunnah. Keputusan pilihanraya menunjukkan Presiden Syria yang bermazhab Shiah mendapat 88% daripada undi popular. Ini menunjukkan ramai pengundi yang bermazhab sunnah mengundi Presiden Bashar Al-Assad yang bermazhab syiah.

Namun berita yang dibawa ke luar negara terutama seolah-olah menunjukkan pergolakkan Syria di sebabkan oleh pergolakkan antara Mazhab. Ini adalah satu pengaruh luaran. Saya berpendapat, berita ini sengaja dibuat oleh pihak tertentu yang bermusuhan dengan Bashar Al-Assad semata-mata untuk memperolehi sokongan dari segi tenaga, senjata dan simpati. Ramai yang percaya.

Ada juga orang Melayu yang beriya-ya percaya kepada berita tersebut sehingga turut sama pergi berperang di Syria. Inilah masalah Melayu, termakan kepada kata sehingga tergadai tanah, kini binasa badan. Badan sendiri dan badan orang lain.



2. **HBT456**

July 1, 2014 at 8:45 PM | [Permalink](#)

Musato, maksud sebenarnya mati berani kat afghanistan adalah disebabkan kemiskinan dan kemunduran rakyat yang ditindas oleh pihak military yang kejam tu. Baru2 ini ada satu kes yang telah berlaku dapat dihebohkan kat facebook bahawa abang ingin sangat nak naik masuk kerajaan taliban, memaksa adik perempuannya yang hanya berusia belasan memakai bom dibadannya. Dia dipaksa abangnya untuk meletupkan bom tu di depan bangunan tentera amerika. The girl was saved by the amerian troops. Kat sini, melayu dah berani mati dengan kepala lembu. Tak tahu lah, mungkin maksud berani mati gigitan bunyi ini adalah menjatuhkan kerajaan umno baru kut.



3. **Ibnu Mukmin**

June 30, 2014 at 6:14 PM | [Permalink](#)

Salam Ramadhan Tun,

Malangnya mereka2 ini tidak pandang perkara ini sebagai bunuh diri. Sebaliknya sebagai pengorbanan untuk mencapai kemenangan perang. Peperangan yang di pandang sebagai jihad kerana Islam. Seperti di zaman Nabi Muhammad SAW dan zaman kegemilangan Islam. Justru itu mereka mengharap Janah kerana di kira mati berjihad ke jalan Allah.

Manusia mudah di tipu. Dan penipu paling handal adalah Syaitan.

Sesuatu perkara amat mudah di “re-frame” oleh yang berkepentingan untuk memujuk orang berpandangan yang orang berkepentingan itu inginkan.

Ulama’ dan cerdik pandai kita perlu pandai mengatur langkah untuk membetulkan perkara ini dan me”re-frame” isu ini kepada kebenaran yg hakiki...berdasar Quran dan Hadis Shahih. Ijma’ Ulama’ zaman sekarang adalah lebih susah untuk di guna pakai kerana terlalu banyak yg mengaku Ulama’... wallahu ‘alam.



4. *chitchat*

June 30, 2014 at 3:25 PM | [Permalink](#)

Ive been wondering for a while now if majlis fatwa even interested in guiding the now confuse ummah in Malaysia. there are many views regarding many issue that demands the majlis fatwa to say “no this is our ketetapan in Malaysia, we need to follow”.

what I always see is them being quiet while the muslim here in malaysia from different background and each with their own ulama arguing about religion issues. the majlis fatwa suppose to be the final rujukan here in malaysia in terms of any fatwa, instead they remain shy and distant.

do they not understand their role? they need to come out front more often and stand firm on the fatwa.



5. *sibotak*

June 29, 2014 at 10:20 PM | [Permalink](#)

Bloggers yg amik kesempatan kat sini atas Peribadi  
Harap jangan buang masa kami  
Blog ini untuk bersama mengenai isu semasa bagi Membina  
Kalau ingin bertemu akan kepuasan atur sendiri  
Jangan macam Kebudakan

6.  **HBT456**

June 29, 2014 at 4:45 PM | [Permalink](#)

Mubarak chan, spineless worm like me will fly wau, I will wear baju kurung kebangsaan on friday, i will skip lunch during puasa month, but I will not vote bn. God is english word, allah is arabic word, tuhan is malay word. Even water issue is being used as tool, who wants to vote bn?

7.  **mubarakchan**

June 29, 2014 at 2:09 PM | [Permalink](#)

Tun

For the resident slimy spineless worm, whenever the dishonourable and disrespectful acts of you foreign hero are exposed, you go into ballistics and become personal, abusive and stupid. Go fly a kite on top of Mount Faber !

8.  **HBT456**

June 29, 2014 at 8:20 AM | [Permalink](#)

Satu hal lagi, mb kedah nak bikin airport, bikin saja jika beranI, betul tak musato? Buat apa nak bermulut gatal pasal penang? Is he saying that penang is not part of malaysia under federal constitution, mubarak chan? It has come to a stage, just see mca logo, dah nak btuih kat muka

mereka. Jika nak bikin masjid, jangan masuk umno baru, hafiz, go join pas. It will be better off for you to clean your nafsu. For chinese politicians who want to clean sin, nafsu, go to shaolin temple kat china sana kerana mereka dah kaya raya.



9. **HBT456**

June 29, 2014 at 6:32 AM | [Permalink](#)

Sia lah kita bagi undi kat umno baru dan bn. Asyik takut kalah undi saja dengan mati berani, betul tak musato? Kedaulatan undang2, keluhuran dan perlembagaan negara dipinggirkan untuk ideologi masing2. Semua salah orang bukan islam. Suka sangat islam palestine, go hive islam and force umno baru to give fund to kelab putera, pakai duit kafir, I mean, malaysia. Tepuk dada, pembodek2 tok det, ko ini malaysian atau arab?



10. **musato**

June 29, 2014 at 1:09 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

La...tu je yang ditulis? Apa isinya...

Bantah la apa yang saya tulis.

Sia sia lah saje saya ambil risiko tinggi menulis yang dikatakan tak betul sedangkan tulisan saya di tapis JAKIM (dulu saya mintak Tun sediakan penapis).

Tun ada rekod tangkap orang apa...Al maunah, memali

Terima kasih Tun.



11. **ahmad**

June 29, 2014 at 12:25 AM | [Permalink](#)

Surah 7- ayat 88,89, dan 90 menjelaskan kesah NABI shuib.Jika kita di usir dari kampung halaman kita kita berhak untok melawan dan berjihad.

Juga dalam Hadith Sahih Bukhari dan Muslim ada menyebut Nabi Muhammad menyatakan kita boleh berjihad jika kita di usir dari rumah dan kampung halaman kita.

Dalam soal Palestine dan Isreal,Orang Palestine berhak berjihad dengan Isreil kerana merek di usir dari kampung halaman kita.

Ulama terkenal Yusuf Qardawi ada mengeluarkan fatwa bahawa orang Palestine boleh membunuh orang Isreil.Ini termasuklah memasang bom di badan dan meletupkan untok membunuh tentera Isreal.

Di Iraq, kaum Sunni di usir dan di bunoh oleh puah Shiah jadi mereka berhak untok berjihad dan membunuh orang Shiah,dengan apa cara sekali pun,termasok memasang bom di badan.walaupun orang Shiah itu beragama Islam.

Di Syria juga, orang Sunni di bunoh dan di usir dari kampung halaman mereka oleh puah Shiah Alawit pimpinan Basher,jadi mereka boleh berjihad untok melawan.

Dalam hal ini,orang Shiah yang juga beragama Islam memulakan kezaliman,jadi mereka boleh berjihad.

Orang Malaysia yang pergimka Syria untok berjihad kerana mereka hendak membela saudara meraka dari kaum sunni yang di zalimi.



12. **sibotak**

June 28, 2014 at 11:00 PM | [Permalink](#)

Salam Berpuasa Saudaraku se Islam

Saya belum nak mati Nak masuk penjara pun Takut  
Bini masih Cantik lagi...

Semoga perjuangan kita , Doa kita , Usaha kita DiRedha Allah  
Semoga Saudara ku di Syria, Iraq , Afganistan dan di mana jua  
Saya dapat rasa bertapa pedihnya penderitaan anda  
Semoga apa berlaku ada Hikmahanya & Allah melindungi  
Anak anak , Kaum Ibu & Perjuang yg berniat kerana Allah

Bertapa Indahnya Berpuasa kita di Malaysia  
Saudara ku disana Berbuka apa agaknya , ALLAHUAKHBAR  
Berdamailah Saudara ku  
Bertulkan Saf , BerImam Bersama Bersujud pada yg Esa  
Kenalilah Musuh kita sebenar

13.



[sitinur](#)

June 28, 2014 at 10:31 PM | [Permalink](#)

Assalamualaikum....  
islam yg indah diperlekehkan oleh org yg ngaku islam....

14.



[hafizkenedelete](#)

June 28, 2014 at 9:07 PM | [Permalink](#)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Salam Tun...  
Slam warga Chedet. ..

“AWAL AWAL BERAGAMA, MENGENAL ALLAH”

Ramai yg melabel Islam itu ganas, agama yg menggalakkan berperang dan lain2 lagi..google je pasal Islam, maka keluar lah belbagai tanggapan buruk mengenai Islam...

Apa boleh kita nak cakap, mereka tak kenal Islam, mereka tak tahu apa itu Islam...

Tapi yg paling menyedihkan , ialah orang Islam itu sendiri tak kenal Islam, tak kenal Allah, mereka melenting bila orang nak guna kalimah Allah tapi tak hirau langsung samada mereka kenal Allah...

Alasan mereka , tak da masa nak belajar pasal agama, susah, nak kene pergi negara arab atau sekolah pondok... Tapi facebook, twitter, instagram tu pulak, tak smpai sehari da expert...

Jangan la beralasan untuk mengenal Allah, selagi kita umat Islam tak usaha mengenal Allah dan Agama Islam, selagi itulah pelbagai tohmahan dan provokasi akan dilemparkan kepada kita...

Ada belbagai cara nak kenal Allah, salah satunya ialah jalan Tasauf, cuma nak menyusuri jalan Tasauf , carilah guru yg mursyid, bukan guru mengarut atau perasan perasan tahu macam Tuan guru Musato...

Jangan la Islam kita hanya pada sehelai kertas atau mykad...Bila kita mengamalkan Islam sepenuhnya dan bersatu, maka provokasi dan tohmahan serta fitnah tidak lagi berkesan...

Sekian..

Terima Kasih Tun

HambaAllahyangmemelihara...



15. **tebing tinggi**

June 28, 2014 at 5:26 PM | [Permalink](#)

Salam tun ,

Perpechan umat Melayu / Islam, di Malaya / Malaysia bermula sejak penubohan PAS ,yaitu seawal sebelum Merdeka lagi.

Sebelum itu kita tidak dengar atau tercatatit dalam sejarah orang Melayu Islam mengkafirkan Melayi Islam yang lain olih kerana hanya perbeidaan idealoji politik ,kalau adapon perbalahan diantara Umat Melayu sebelum itu ,tidaklah pulak sampai mengkafirkan yang lain.

Mungkin doktrine yang didendang olih PAS ini telah mencapai tahap matangnya ,dimana orang Melayu Islam sekarang berpendapat membunuh orang Islam lain, yang tidak sependapat dengan mereka dikira satu tuntutan Ugama .

Bahayanya mendendang Ugama ,bagi tujuan politik.



16. **Hajar**

June 28, 2014 at 1:34 PM | [Permalink](#)

Salam YAB & Yg diKasihi Tun,

BERANI MATI

Bukankah pada 2009 (di Perak) ada beberapa ahli2 parti2 Pembangkang yang mengambil tindakan 'bunuh diri' dengan berbaring di jalanraya di hadapan kenderaan2 yang lalu-lintas kerana tidak boleh menerima kenyataan yang Kerajaan DAP/PAS/PKR tumbang?

Mereka sanggup mati dilanggar (berani mati; nasib baik tidak mati) untuk mempertahankan Kerajaan yang ditunggangi oleh DAP (kafir). Malahan bagi mereka ini, jika mati melawan orang UMNO (Melayu Islam) mereka mati syahid; dan menurut mereka ini 'jihad'.

Jadi saya tidak hairan golongan ini jugalah yang sanggup mati berperang sesama Islam di luar negara.

Terima kasih Tun.

\*\*\* Semoga Allah SWT sentiasa melindungi Tun sekeluarga. \*\*\*



17. **musato**

June 28, 2014 at 10:36 AM | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Mana ada Islam suruh bunuh diri dan bunuh orang lain.

Bunuh diri pun dah dikira haram. Sebab berputus asa dalam kehidupan juga ditegah dalam Islam.

Persoalan ni Tun bukan tanya pada ulama, tapi Tun bertanya pada pemimpin parti politik.

Terima kasih Tun.

\*tq pn hajar

\*tak puas hati pasal tasauf? tulislah lagi.



18. *Malaysia Bagus*

June 28, 2014 at 9:03 AM | [Permalink](#)

Salam Tun,

1. Seingat saya, *BERANI MATI* dalam pertempuran moden telah dipopularkan dengan taktik yang disebut Kamikaze oleh tentera Jepun dalam perang dunia kedua. Namun, keberanian dan semangat Bushido juruterbang Jepun yang menjunamkan pesawat ke sasaran tentera musuh tidaklah dapat disamakan dengan tindakan pengecut munafik yang meletopkan diri dan memusnahkan nyawa orang awam yang tidak berdosa.
2. Apabila seorang rakyat Malaysia, Ahmad Tarmimi, meletopkan dirinya ke sasaran tentera SWAT Iraq dan membunuh 28 orang tentera Islam bermazhab Syiah, dia sudah pastinya nekad, tekad dan percaya di dalam hati bahawa dia telah berjaya mendapat syuhadah kerana membunuh tentera kafir. Mungkin juga dia ini mendapat inspirasi setelah seorang Menteri dari Malaysia sendiri telah berapi-api melabelkan orang Islam Syiah sebagai kafir. Malahan bila dilihat dalam konteksnya baru-baru ini PM Najib juga dilaporkan turut kagum dengan keberanian pengganas ISIL yang kununnya kalau (kejahilan) itu diterapkan boleh memberi kekuatan baru kepada UMNO. Pakar dan penganalisis politik ternganga dengan hujahan hebat dari PM Najib. Ramai yang ternganga sekejap sebelum gelak besar.
3. Saya tak fikir kombinasi kekuatan dan kejahilan boleh melestari apa-apa perjuangan dalam Islam melainkan ianya membawa pelaku ke arah kezaliman, kemungkaran dan aqidah yang rosak lagi merosakkan. *DUNIA ISLAM SEKARANG* dalam kucar-kacir kerana pemikiran yang kucar-kacir telah membentuk aqidah orang Islam untuk menjalani kehidupan yang penuh percakaran dan kekucaran.
4. Kemahiran berfikir perlu segera diajar di semua sekolah di Malaysia sebagai persiapan untuk menghadapi kehidupan dunia semasa yang semakin mencabar dan kompleks. Orang Islam terutamanya perlulah menyoal-siasat dogma yang telah ditanam ke dalam otak mereka oleh para agamawan yang jumud dengan keruhanian palsu lagi pesu, agar mereka dapat menjalani hidup dengan lebih aman dan tidak taksu dengan fahaman karut dan tidak rasional.
5. Berani mati kerana benar, takut hidup kerana salah.

19.



*sibotak*

June 28, 2014 at 6:40 AM | [Permalink](#)

Islam perlu Bersatu

Punca Kelemahan Umat Islam

Kerana Kelemahan maka mudahlah musuh memporak perandakan kita

Walau kesemua Negara Islam tidak mengamalkan Ke Tenteraan

Tenteraan ini PERLU untuk mempertahankan bukan untuk Menzalimi sesiapa

Barat , Amerika , Israel melakukan ini semua sebab mereka ada teknologi tentera  
technology Media yg menghasut , menjatuhkan Image Islam

Contoh US sampai sekarang TIDAK berani menentang North Korea

Sedangkan North Korea sudah beberapa kali mencabar & melawan Kehendak US

Sedangkan Iraq yg tidak mencabar tambah lagi hingga sekarang tidak ada Senjata Pemusnah  
masih tetap di Zalimi US berserta Barat bertujuankan Israel

Begini juga keadaan di Malaysia

Pihak yg berhajat menakluki Malaysia telah banyak merosakkan image Kerajaan Malaysia  
dengan pelbagai memburukan Image Kerajaan UMNO

Dengan mengugut & mengalu alukan kehadiran US supaya kita Lemah

Jadi kita juga perlu lebih berbaik dengan US supaya tujuan mereka terbantut

Peperangan di Timur Tengah di sebabkan oleh Niat yg Tidak Baik

Bermula dengan Gorge Bush , Blair & Netanyahu

Dan kesudahannya Peperangan membuat Manusia Keliru dan Amat mengaharapkan sesuatu ,  
maka berbuahlah peperangan sesama

Bush , Blair & Netanyahu sudah Berjaya Tujuan mereka mermechah belahkan Islam sesama  
walau mereka belum menguasai Timur Tengah sepenuhnya

Begitu juga Pihak yg Berkeinginan Malaysia sudah Berjaya memecahkan perpaduan orang  
Melayu Malaysia walau mereka belum memiliki kehendak mereka

Kunci Kata

Umat Islam Mesti Bersatu

Inilah senjata Islam sebenar

Dan ini juga yg mengahacurkan Islam jika gagal Bersatu  
Namun Ketenteraan yg Kuat itu pun perlu



20. *sibotak*

June 27, 2014 at 10:07 PM | [Permalink](#)

Negara Islam sebenarnya baik Nerara Timu Tengah Sunni , Shiah  
Negara Malaysia parti PAS, UMNO  
Sebanrnya Tidak Bertelegah sesama

Hasutan , Media Barat

Sudah bermain berpunca Perselisihan Faham hingga Berpunca Perperangan  
Dahulu di Timur Tengah TIDAK bergini walau ada Perselisihan Faham di antara Kaum  
Hanya semenjak Sept 11 timbulah Kerisauan Keresahan justeru Perbelahan  
Pihak Media Barat memainkan peranan mengelirukan , memfitnah bagi Barat melemahkan  
Timur Tengah hinnga kini di salaputi KePorak Peranda  
Begitu juga di Malaysia

Apabila Anwar Ibrahim mencari Kawan maka DAP yg mendukung PAP  
Mulalah menjadi Bantu Api bertujuan melemahkan Kerajaan UMNO  
Sudah jelas media Strait Times, Internet MSN sudah Kelihatan menimbulkan segala apa yg  
bertujuan melemahkan Kerajaan seolah mengapi apaikan lebih dari menghuraikan

Psychological Invasion Psychological Warfare  
Bertujuan Mengelirukan mengakibatkan Perbelahan

**APA JUA KITA MESIT BERDAYA MEMAHAMKAN KITA BERSAMA  
MAKA PERLULAH BERKOMUNIKASI BAGI TIDAK MENEGANGKAN KEAADAN  
PERLU TAHU PUNCA & SIAPA MUSUH SBENAR**



21. *zahar*

June 27, 2014 at 2:59 PM | [Permalink](#)

orang islam menerima tentangan dari orang kafir dari perbagai sudut, orang kafir tidak akan senang selagi orang islam berpegang pada islam, islam pastinya tidak akan lemah, malah bertambah kuat, yang lemah mereka yang tidak menerima islam, islam itu universal, islam itu menyeluruh, islam kekal....

seluruh dunia, umat islam di perleceh...umat islam dihina...umat islam dicerca...malah diperbodohkan dengan undang-undang buatan manusia yang longgar.

umat islam dibunuh, umat islam menjadi suara sumbang...kenapa?

umat islam sekarang tidak berilmu, umat islam sekarang sanggup gadai saudara sendiri untuk kuasa, pangkat dan harta...malah kerana wanita?

pemimpin umat islam, luaran islam, dalamannya kotorrrrr.

syurga atau neraka bukan keputusan kita...niat kita dan cara percaturan hidup kita menentukan penglibatan kita dalam islam, penerimaan islam secara menyeluruh...pasti pilihan syurga tempatnya, kalau saudara atau jiran sebelah kita susah, jangan kita akui kita sebagai orang yang benar, bercakap benar dan merupakan umat muhamad saw.

islam itu mudah dan tenang, islam ada al-quran, kalau nak dicari ayat terang terangan tentang sesuatu, ada dan tiada, kiasan dan perumpamaan, mengaji sepanjang hayat belum tentu dapat mengupas isi kandungan....sebab itu adanya hadis....ulama....dan cerdik pandai islam.

jangan jadi islam hanya untuk berperang, jangan jadi islam hanya untuk berkahwin, jangan jadi islam hanya pada nama....islam secara total...segala kerja yang baik, niat yang baik pasti mendapat tempat dalam islam, islam tidak memilih warna kulit, islam bukan pada darjat, islam kekal kerana ianya agama ALLAH.

Source: <http://chedet.cc/?p=1402>